

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

SAU210 - Sosiologi Perindustrian

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan. Soalan Bahagian A **WAJIB** dijawab dan pilih **DUA** soalan dari Bahagian B.

**BAHAGIAN A** [40%]

**SOALAN WAJIB**

1. Terang apakah yang di maksudkan dengan Hubungan Perusahaan/Industri (Industrial Relations)? Siapakah yang telibat dalam hubungan ini? Analisakan hubungan perusahaan/industri yang ada sejak tahun lima puluhan hingga sekarang di Malaysia. Bagaimanakah ini telah dapat memperkuatkan atau melemahkan kedudukan majikan, kesatuan sekerja, dan pekerja amnya.

**BAHAGIAN B** [60%]

Jawab **DUA** soalan sahaja.

2. Apakah yang ditakrifkan sebagai "proletarian" itu? Beri dimensi-dimensi proletariani dan sejauhmana ianya ujud di Malaysia. Apakah halangan-halangan yang terdapat di kilang-kilang, masyarakat dan di negara kita yang mengurangkan atau membenarkan keujudan kesedaran demikian.

[30%]

3. Kesatuan itu hanya mengujudkan "kesedaran kesatuan sekerja" semata-mata mengikut Lenin. Apakah perbezaan antara kesedaran kesatuan sekerja dan kesedaran kelas pekerja? Analisakan pendapat beliau dan nilaiakan kedudukan kesatuan-kesatuan di Malaysia.

[30%]

...2/-

4. Pilih dua atau tiga kilang/pejabat di negara ini dan terangkan gangguan kesihatan dan penyakit-penyakit yang bersabit dengan tempat kerja. Apakah punca-punca kejadian-kejadian ini? Sejauh ini apakah cara-cara mengatasinya dan beri cadangan untuk memperbaiki keadaan ini.

[30%]

5. Jika saudara/saudari menjadi seorang pengurus di sebuah kilang/pejabat apakah cara-cara yang dapat digunakan untuk memperbaikan mutu kerja dan "morale" pekerja? Perbincangan anda perlu mengambil kira organisasi informal dan teori motivasi.

Pada pendapat saudara/saudari adakah perbezaan yang perlu diberi kepada pekerja lelaki dan wanita? Beri sebab-sebab.

[30%]

- oo oOo oo -